

### BAB III

#### LATAR BELAKANG MASYARAKAT MELAYU KAMPUNG KELULUT

##### 3. 1 Kedudukan Kawasan

Kampung Kelulut yang menjadi tempat kajian terletak di negeri Terengganu Darul Iman. Kalau bertolak dari Kuala Lumpur, perjalanan ke Kampung Kelulut mengambil masa kira-kira 9 jam dengan bas ekspres. Perjalanan ini melalui negeri Selangor, negeri Pahang dan negeri Terengganu. Kampung Kelulut terletak di antara Kemaman dan Kuala Terengganu. Ia terletak sejauh 13 1/2 batu (22 kilometer) dari Kuala Terengganu. (Lihat Peta 1 & 2)

Pekan yang paling dekat dengan Kampung Kelulut ialah Marang yang terletak lebih kurang 5 km dari Kampung Kelulut. Pekan Marang ini dikunjungi ramai pelancong bukan sahaja dari dalam negeri tetapi juga dari luar negara kerana keindahan pantainya dan ia juga menjadi pelabuhan persinggahan untuk ke Pulau Kapas. Pulau Kapas yang terkenal dengan keindahan laut dan pantai boleh disampai dalam masa 30 minit dari Marang dengan bot bermotor.

Kampung Kelulut mempunyai keluasan 2, 880 ekar persegi dengan 1,458 ekar persegi dimiliki oleh orang Kampung sendiri sementara 1,422 ekar dimiliki kerajaan Negeri Terengganu. (Lihat Jadual 3-1)

Jadual 3-1 : Keluasan Kampung Kelulut dari segi hak milik

Jenis tanah	Keluasan	Peratusan (%)
Tanah milik	1,458 ekar	50. 6
Tanah kerajaan	1,422 ekar	49. 4
Luas kampung	2,880 ekar	100

\* Sumber : Kajian lapangan

Tanah yang dimiliki oleh penduduk Kampung Kelulut digunakan untuk pelbagai tujuan, iaitu padang dan kebun getah, tembakau, kelapa dan rumah atau bangunan. (Lihat Jadual 3-2)

Jadual 3-2 : Penggunaan tanah dalam Kampung Kelulut

Penggunaan tanah	Ekar	Peratusan (%)
Getah	720	49. 4
Kampung	345	23. 7
Kelapa	197	13. 5
Tembakau	120	8. 2
Bangunan	62	4. 2
Dusun	14	1. 0
Jumlah	1,458	100

\* Sumber : Kajian lapangan

### 3. 2 Pentadbiran

Negeri Terengganu terdiri daripada tujuh buah daerah, iaitu Besut, Dungun, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang, Ulu Terengganu dan Setiu. Tiap-tiap daerah tersebut terbahagi kepada beberapa buah mukim dan tiap-tiap mukim pula terbahagi kepada beberapa kampung. Daerah Marang terdiri daripada enam buah mukim, iaitu Mukim Rusila, Pulau Kerengga, Merchang, Jerong, Bukit Payung dan Alor Limbat. Mukim Pulau Kerengga terdiri daripada tujuh buah kampung termasuk Kampung Kelulut, Pulau Kerengga, Seberang Marang, Rhu Muda, Batangan, Kubur dan Gong Bris. Kampung Kelulut dibahagi kepada lima buah kawasan, iaitu Alor Tuman, Hujung Dal, Tok Pelan, Lubuk Hampa, dan Bukit Kecil. Ini bermakna Kampung Kelulut, tempat kajian, terletak di bawah Mukim Pulau Kerengga, Daerah Marang, Negeri Terengganu.

Dari segi pentadbiran, pegawai Daerah mengurus daerah masing-masing untuk membangunkan daerah dan menjalankan pembangunan dengan seimbang. Di Daerah Marang terdapat dua orang Penghulu, iaitu Penghulu kanan dan Penghulu Mukim. Tugas kedua-dua orang penghulu ini berlainan. Penghulu kanan membantu pegawai daerah untuk mengurus perkara-perkara dalam Daerah Marang sementara penghulu mukim yang tinggal di dalam mukim itu mengurus hal-ehwal mukim sahaja. Di bawah penghulu, ketua kampung mengurus kampung dan biasanya ketua kampung dilantik oleh pegawai daerah. Tetapi di Kampung Kelulut, keturunan pengasas kampung mewarisi gelaran dan tugas sebagai ketua kampung daripada nenek moyang mereka sejak pembukaan kampung pada tahun 1856 hingga masa kini. Ketua kampung sekarang ialah En. Arifin bin Muda, 58 tahun, lebih dikenal sebagai Pok Fing (Pak Fin) oleh penduduk-penduduk Kampung Kelulut. Beliau menjadi ketua kampung semenjak tahun 1976. Selain menjadi ketua kampung, beliau bekerja sebagai petani dan juga pemandu kereta sewa secara sambilan.

Menurut Pok Fing, bakal penggantinya belum ditetapkan dan beliau menyerahkan kepada kehendak penduduk kampung untuk menentukannya. Keputusan yang merubah tradisi ini diambil kerana pada pendapat beliau tidak semestinya keturunannya yang terus menjadi pemimpin yang terbaik. Memang menjadi kenyataan, ketua yang dipilih dengan suara ramai akan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan lantaran adanya sokongan yang jitu lagi padu daripada orang ramai.

### 3. 3 Sejarah

Nama Kampung Kelulut berasal daripada nama serangga yang biasanya bersarang di pokok Rhu. Menurut ketua kampung, sekitar tahun 1860-an kampung ini dikenali dengan nama Kampung Rhu Kelulut. Pada tahun 1856, satu rombongan sejumlah 10 keluarga singgah di kampung ini dan berehat di bawah pokok Rhu yang banyak terdapat di tepi pantai Kampung Kelulut. Ketua rombongan ini ialah Allahyarham En. Mohd bin Yaama yang lebih dikenal dengan nama Pak Wa Yaama. Pada masa itu, sekumpulan serangga kelulut yang bersarang di pokok Rhu tempat perteduhan rombongan itu telah berkumpul di atas kepala Pak Wa Yaama. Kelakuan serangga tersebut seolah-oleh menghormati Pak Wa Yaama sebagai pemimpin. Dengan itu Pak Wa Yaama terus menamakan kampung itu sebagai Kampung Rhu Kelulut yang kini disebut dengan nama Kampung Kelulut sahaja. Sebelum kedatangan rombongan yang diketuai oleh Allahyarham En. Mohd. bin Yaama pada tahun 1856, kampung ini merupakan tempat persinggahan peniaga-peniaga lembu dari Kampung Surau Haji Daud Pengadang Buluh Kuala Terengganu ke Kemaman dan Mersing Johor.

Sejak pembukaannya Kampung Kelulut menjadi kawasan petempatan keluarga keturuan En. Mohd bin Yaama dan keturunannya kini mewarisi jawatan ketua kampung seperti berikut ;

- En. Mohd. Yaama ; dari tahun 1856 hingga 1921
- En. Khatib Hassan bin Mohd. ; dari tahun 1921 hingga 1946
- En. Muda bin Khatib Hassan ; dari tahun 1946 hingga 1976
- En. Arifin bin Muda ; dari tahun 1976 hingga masa kini.

Beberapa peristiwa merupakan sejarah yang penting dalam masyarakat Kelulut. Salah satu peristiwa itu ialah pengeboman tentera Jepun yang diikuti oleh pendaratannya pada tahun 1946. Sebanyak empat biji bom gugur di kampung ini dan tentera Jepun menduduki kampung ini selama seminggu sahaja sebagai persinggahan sementara. Pada masa itu semua penduduk melarikan diri ke dalam hutan untuk menghindarkan diri daripada kekejaman tentera Jepun. Pendaratan pelarian Vietnam di pantai kampung ini pada tahun 1975, merupakan peristiwa yang bersejarah juga. Pelarian Vietnam tinggal di dalam kem pelarian yang terletak di tepi pantai kampung ini dari tahun 1975 hingga tahun 1991 sebelum mereka dipindahkan ke Kuala Lumpur. Mereka tidak dapat bergaul dengan penduduk Kampung Kelulut kerana mereka tidak dibenarkan keluar dari kem mereka dan harus tinggal di bawah kawalan polis dan tentera Malaysia. Pada tahun 1988 Kampung Kelulut terpilih sebagai tempat untuk perhimpunan raksasa Semarak yang bertujuan sebagai pertemuan rakyat bersama pemimpin. Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

### 3. 4 Penduduk

Penduduk Kampung Kelulut berjumlah 790 orang ; 399 orang lelaki, 391 orang perempuan.<sup>1</sup> Bilangan keluarga ialah 157 ; 154 atau 98% daripada mereka adalah keluarga Melayu dan 3 keluarga atau 2% keturunan orang Kemboja. (Lihat Jadual 3-3) Keluarga Kemboja ini beragama Islam dan mengikuti cara hidup orang Melayu. Kebanyakan penduduk sekarang ini adalah keturunan orang yang mengikut rombongan tersebut pada tahun 1860-an dan kedatangan orang luar tidak banyak. Oleh itu Kampung Kelulut mempunyai perpaduan dan pergaulan masyarakat yang masih erat.

Jadual 3-3 : Penduduk Kampung Kelulut dari segi keturunan

Jenis Keturunan	Bilangan Keluarga	Peratusan (%)
Melayu	154	98
Kemboja	3	2

\* Sumber : Kajian lapangan

### 3. 5 Ekonomi

Kebanyakan penduduk kampung ini bekerja sendiri khususnya dalam sektor pertanian. Kebanyakannya ketua keluarga, iaitu 133 orang atau 84.71% menguruskan tanaman seperti tembakau, getah dan buah-buahan. Selain itu mereka juga menangkap ikan, berjual ikan, bertukang, berternak ayam, berjual nira dan sebagainya. Sementara itu penduduk yang makan gaji berjumlah 24 orang atau 15.29% sahaja. Oleh itu, pekerjaan penduduk Kampung Kelulut ini boleh dianggap

tidak tetap. Misalnya seseorang petani yang menanam tembakau, selepas mengutip daun tembakau dan sebelum memulakan mengorek dia bekerja sambilan sebagai nelayan ataupun bertukang rumah. Dalam kes ini, menanam tembakau menjadi pekerjaan utama manakala menangkap ikan atau bertukang rumah adalah kerja sambilan. Penduduk Kampung Kelulut terlibat dalam pekerjaan tradisi kampung iaitu menoreh getah dan menanam tembakau di samping menjadi nelayan. Ada juga yang berniaga, makan gaji dengan kerajaan, bekerja di kilang dan di bidang industri pelancongan seperti membina chalet-chalet kerana kawasan ini berhampiran dengan Pulau Kapas. Terdapat juga penduduk kampung yang berniaga secara kecil-kecilan seperti menjual ikan, udang, sotong kering dan keropok.

Pekerjaan yang paling banyak dalam Kampung Kelulut ialah menangkap ikan, iaitu berjumlah 46 orang atau 29.3%, kemudian diikuti oleh berinaga sendiri (seperti berjual ikan, berkedai, bertukang dan sebagainya), iaitu 38 orang atau 24.2%. Selain itu, petani yang menanam tembakau ataupun berkebun getah berjumlah 35 orang atau 22.3% dan yang bekerja di pejabat daerah, sekolah, pejabat pos dan memandu bas, lori meningkat hingga 15.3%. Terdapat juga orang yang tidak bekerja tetap seperti orang yang terlalu tua, janda, orang yang bersara dan sebagainya, iaitu berjumlah 14 orang atau 8.9%.<sup>2</sup> (Lihat Jadual 3-4) Dengan penelitian data tersebut, boleh dikatakan bahawa pekerjaan-pekerjaan penduduk kampung ini tidak tetap (*flexible*) menurut musim dan keadaan. Kerja sambilan dilakukan oleh orang perempuan, khususnya suri rumah ialah menganyam mengkuang, bertenun kain, berkedai dan mengambil upah di ladang tembakau seperti mengorek atau memetik daun tembakau. Kerja-kerja sampingan ini sekurang-kurangnya dapat membantu ekonomi keluarga.

Jadual 3-4 : Pekerjaan penduduk Kampung Kelulut

Jenis pekerjaan	Bilangan	Peratusan (%)
Nelayan	46	29. 3
Peniaga	38	24. 2
Tanam Tembakau & Getah	35	22. 3
Makan gaji	24	15. 3
Tidak bekerja	14	8. 9
Jumlah	157	100

\* Sumber : Kajian lapangan

Pendapatan bulanan keluarga penduduk Kampung Kelulut sukar untuk dipastikan dengan tepat kerana pekerjaan yang tidak tetap. Misalnya, petani tidak mendapat hasil setiap bulan tetapi mengikut musim. Oleh yang demikian pendapatan sebulan yang diberi oleh penduduk ialah anggaran sahaja. (Lihat Jadual 3-5) Keluarga yang berpendapatan di bawah \$175 sebulan berjumlah 20 buah atau 13%, manakala keluarga yang berpendapatan antara \$175 hingga \$380 berjumlah 107 buah atau 68%, keluarga yang berpendapatan antara \$381 hingga \$500 berjumlah 22 buah atau 14% dan keluarga yang berpendapatan \$500 ke atas berjumlah 8 buah atau 5 % sahaja.

Jadual 3-5 : Pendapatan penduduk Kampung Kelulut

Pendapatan sebulan	Bilangan keluarga	Peratusan (%)
ke bawah daripada 175	20	13
RM 175 - 380	107	68
RM 381 - 500	22	14
RM 500 ke atas	8	5
Jumlah	157	100

\* Sumber : Kajian lapangan

Menurut Pegawai Daerah Marang, Tuan Haji Baharuddin bin Ismail, keluarga yang berpendapatan di bawah \$175 sebulan termasuk golongan orang termiskin, dan keluarga yang berpendapatan di antara \$175 hingga \$380 ialah golongan orang miskin. Kadar orang miskin pada peringkat negara ialah kira-kira 17%, sementara pada peringkat negeri Terengganu meningkat 28%. Orang miskin dan termiskin boleh mendapat bantuan daripada kerajaan negeri dan kerajaan pusat, iaitu bantuan wang untuk membuat rumah, bantuan makanan untuk anak-anak orang termiskin yang kekurangan zat dan juga untuk mendapatkan bekalan air paip.

### 3. 6 Kemudahan

Kemudahan asas di Kampung Kelulut terdiri daripada sebuah masjid, empat buah surau, sebuah balai raya yang digunakan sebagai Tadika, sebuah padang bola, sebuah balai tempat mengaji al-Qur'an dan sebuah pondok telefon. (Lihat Jadual 3-6) Kemudahan-kemudahan seperti Tadika, surau dan padang bola, menjadi tempat berkumpul untuk kanak-kanak dan remaja. Di Tadika, kanak-

kanak berumur 5 hingga 6 tahun mendapat pelajaran asas agama Islam seperti cara bersembahyang, mengambil air sembahyang, belajar sejarah Islam, belajar akhlak dan sebagainya.

Jadual 3-6 : Kemudahan-kemudahan asas dalam Kampung Kelulut

<b>Jenis Kemudahan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Tahun</b>
Surau	1	1975
Balai mengajar Qur'an	1	1980
Masjid	1	1981
Padang bola	1	1983
Telefon	1	1983
Balai raya	1	1988
Padang permainan	1	1988

\* Sumber : Kajian lapangan

Dalam Kampung Kelulut, tidak semua keluarga mendapat kemudahan elektrik. Daripada 157 keluarga, 18 buah keluarga masih lagi belum mendapat kemudahan tersebut. Sumbangan kerajaan diberikan juga kepada penduduk yang hendak memasang paip air, di mana separuh daripada belanja untuk pemasangan paip itu dibayar oleh pihak kerajaan dan separuh lagi dibayar sendiri oleh penduduk. Setakat ini 20 keluarga sahaja yang mendapat bekalan air paip sementara 137 keluarga menggunakan air perigi. (Lihat Jadual 3-7 dan 3-8)

Jadual 3-7 : Bekalan elektrik di Kampung Kelulut

Bekalan elektrik	Bilangan keluarga
24 jam	139
Tiada bekalan	18

\* Sumber : Kajian lapangan

Jadual 3-8 : Bekalan Air di Kampung Kelulut

Bekalan air	Bilangan keluarga
Air paip	20
Air perigi	137

\* Sumber : Kajian lapangan

Selain dari bekalan elektrik dan air, pengangkutan juga menunjukkan status komuniti Kelulut dari segi sosio-ekonomi. Sejumlah 29 keluarga mempunyai kereta, 3 keluarga mempunyai van, 92 keluarga mempunyai motosikal dan 218 keluarga mempunyai basikal sebagai kendaraan keluarga. Pengangkutan awam seperti bas bandar Dungun dan bas Kampung Rhu Muda yang menuju ke bandar Kuala Terengganu memudahkan perjalanan penduduk kampung ke bandar dan ke kampung lain.

Jadual 3-9 : Kenderaan penduduk Kampung Kelulut

Jenis kenderaan	Bilangan
Basikal	218
Motosikal	120
Kereta	29
Sampan	9
Van	3
Bot (bermotor)	2

\* Sumber : Kajian lapangan

Di Kampung Kelulut kebanyakan rumah penduduk dibuat dari kayu dan rumah batu hanya terdapat beberapa buah sahaja. Orang yang berpendapatan rendah seperti golongan orang miskin dan orang termiskin tidak mampu mendirikan rumah batu. Orang yang tidak mempunyai rumah boleh menerima bantuan daripada kerajaan negeri dalam bentuk wang berjumlah RM 1500-3000 untuk membina rumah baru atau memperbaiki rumah mereka.<sup>3</sup> Mereka boleh membina rumah kayu sahaja dengan perbelanjaan yang terhad. Di samping itu struktur dan bahan rumah tradisi ialah rumah yang dibuat dari kayu, iaitu mudah dibina dan dirombak semula kerana orang zaman dulu berpindah-pindah maka rumah mereka dibina mengikut keadaan alam sekeliling. Oleh itu orang yang berkemampuan berbelanja tinggi sahaja yang boleh memiliki rumah batu dan mereka ini dianggap sebagai orang kaya.

Infrastruktur seperti jalan raya juga merupakan ukuran untuk menilai kedudukan sosio-ekonomi suatu komuniti kerana dengan adanya jalan raya ke pekan

atau pasar penduduk dapat menjalankan kegiatan ekonomi dengan mudah. Kemudahan-kemudahan yang terdapat ialah jalan raya dari Kuantan ke bandar Kuala Terengganu. Dalam Kampung Kelulut sendiri terdapat tiga jenis jalan yang memudahkan penduduk kampung bergerak dari satu tempat ke tempat lain. ( Lihat Jadual 3-10)

Jadual 3-10 : Jalan raya dalam Kampung Kelulut

Jalan raya bertar	13 kilometer
Jalan raya merah	8 kilometer
Jalan kampung	10 kilometer

\* Sumber : Kajian lapangan

### 3. 7 Kegiatan Sosial

Penduduk di Kampung Kelulut tidak begitu aktif berpersatuan. Mengikut data Ketua Kampung, seramai 30 orang sahaja yang menjadi ahli kepada Pertubuhan Belia. Keadaan ini menyebabkan Pertubuhan Belia di sini tidak dapat bergiat cergas. Selain itu, Pertubuhan Belia ini juga menghadapi masalah tenaga pembimbing yang berwibawa dan progresif. Kebanyakan ahli menganggotainya kerana mahukan faedah seperti tanah dan rumah kediaman percuma di Bukit Tok Pelam yang dikenali sebagai Bukit Belia. Selain daripada Pertubuhan Belia, di Kampung Kelulut ini juga terdapat Pertubuhan Rela yang dianggotai oleh 17 orang penduduk. Inilah satu-satunya pertubuhan yang bergiat aktif di Kampung Kelulut ini. Mereka ini diarahkan berkhidmat mengawal keselamatan pelarian Vietnam di Pulau Bidong. Pada masa dahulu mereka bertugas di kem sementara perlarian ini yang bertempat di Kampung Kelulut sendiri.

Kebanyakan penduduk kampung ini bekerja dalam sektor pertanian tetapi hanya 43 orang sahaja menjadi ahli Pertubuhan Peladang. Walaupun sebilangan besar penduduk Kampung Kelulut merupakan nelayan tetapi ia tidak mempunyai persatuan. Hanya enam orang nelayan menjadi ahli Persatuan Nelayan Marang. Kebanyakan nelayan di sini menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kawasan pingir pantai secara berseorangan atau berdua dengan menggunakan sampan. Nelayan-nelayan di sini pergi ke laut pada waktu pagi dan pulang lewat tengahari atau petang. Segala hasil tangkapan dijual kepada orang kampung dan juga kepada penjual-penjual ikan dari luar kawasan.

Dari segi politik, ramai penduduk Kampung Kelulut menyokong parti UMNO dan mereka menjadi anggota UMNO sementara sebilangan kecil daripada penduduk menyokong parti pembangkang, iaitu PAS. Dengan perbezaan parti politik dan idea, kedua-dua kumpulan ini kadang-kadang enggan bergaul walaupun mereka adalah jiran sekampung.

### **3. 8 Pemilihan Tempat Kajian**

Pengkaji telah memilih Kampung Kelulut sebagai tempat kajian berdasarkan beberapa ciri khusus. Berdasarkan keadaan Kampung Kelulut tersebut, pengkaji memilih kampung ini sebagai tempat kajian lapangan sebab (i) kampung ini ialah sebuah kampung Melayu tipikal yang hampir semua penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu dan beragama Islam, (ii) masyarakat Melayu Kelulut terdedah kepada perubahan dari pelbagai segi, termasuk sosial, ekonomi dan politik. Ini kerana letaknya tidak berapa jauh dari bandar (Kuala Terengganu) dan tempat peranginan (Pulau Kapas). Oleh itu, masyarakat Melayu Kelulut terbuka kepada pengaruh masyarakat luar dan orang asing (iii) masyarakat Melayu Kelulut ini masih mempertahankan tradisi Melayu walaupun terdedah kepada kemajuan dan

perkembangan industri serta pelancongan. Berdasarkan keadaan kampung tersebut, pengkaji memilih Kampung Kelulut untuk meneliti kewujudan dan penggunaan konsep 'jadi orang' tradisi serta memahami perubahan konsep tersebut menurut perubahan sosio-ekonomi dalam pembentukan personaliti anak-anak mereka.

### 3. 9 Senarai Responden-Responden dalam Kampung Kelulut

* Keturunan :	M	:	Melayu
	C	:	Cina
	I	:	India
	L	:	Lain-lain
* Pekerjaan :	N	:	Nelayan
	P	:	Petani
	K	:	Kerja sendiri
	M	:	Makan gaji
	L	:	Lain-lain
* Pendapatan:	1	:	RM 175 ke bawah
	2	:	RM 176 - 380
	3	:	RM 381 - 500
	4	:	RM 500 ke atas

No.1 (1- 20)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
1	Shafie b.Putih	32	M	5	N	2	
2	Awang b. Mohammad	24	M	9	K / N	2	
3	Muda b. Abdullah	35+	M	5	M / P	2	Klinik Marang
4	Ali b. Jusoh	44	M	7	K	2	Bertukang
5	Mohd. Noor b. Endut	47	M	7	M / N	4	Guru
6	Ismail Yatim b. Andak	34	M	12	K / P	2	Buat Kuih, baiki
7	Jamarudin b. Jais	28	M	5	N / P	2	
8	Rosdi b. Jusuh	35+	M	5	N	2	
9	Mohammad b. Ismail	39	M	6	N	2	
10	Akhil v. Haji Kadir	55	M	4	K / P	1	
11	Raja Embong	41	M	11	N	2	
12	Osman b. Saleh	40	M	9	M	2	JKR
13	Ibrahim b. Jusuh	40+	M	10	K / P	3	Bertukang
14	Ismail b. Hassan	41	M	5	K / P	3	Bertukang
15	Jusoh b. Mamat	45	M	2	P	2	
16	Rahim b. Haji Muda	22	M	3	P	2	
17	Mohd. b. Mudah	40	M	9	N / P	3	
18	Pak Ngah	75+	M	1	P	1	
19	Zainal b. Omar	58	M	2	K / P	2	Bertukang
20	Mohd b. Ludi	38	M	6	N / P	2	

## No. 2 (21- 40)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / smabilan	Pendapat	Catatan
21	Hindun bt. Osman	39	M	6	P	1	Janda
22	Aziz b. Hassan	40	M	6	P	2	
23	Jusuh b. Ali	53	M	7	N	3	
24	Ramli b. Abdullah	43	M	7	M	3	Menternak ayam
25	Abdul Rahman b. Ismail	50	M	5	N / P	2	
26	Mohd Noor bin Abu Bakar	36	M	8	M	2	
27	Abdullah b. Saleh	50	M	8	N	2	
28	Semek bt. Salleh	55+	M	3	L	1	Suri rumah
29	Ali. b. Mamat	30+		5	N	2	
30	Md. Resad b. Mansor	36	M	8	N	2	
31	Osman b. Ahmad	39	M	7	K	2	
32	Alias b. Ahmad	44	M	10	K	3	Berniaga
33	Ibrahim b. Saleh	53	M	7	K	2	
34	Mat b. Dollah	38	M	5	N / P	2	
35	Wan Shari b. Wan Nill	30+	M	5	N	3	
36	Jusuh b. Abdullah	50	M	4	N	3	
37	Hamnah bt. Ismail	44	M	6	L	1	Suri rumah/janda
38	Abullah b. Said	33	M	5	M	4	Juru hutan
39	Latif b. Mat Zin	48	M	11	L	2	Menjaga ikan
40	Suhaimi b. Md. Kamaruddin	30	M	5	M	4	Esso

No. 3 (41-60)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / smabilan	Pendapat	Catatan
41	Zaharah bt. Abdullah	45	M	2	P	1	Menternak ayam
42	Hindun	40	M	5	P	2	
43	Jusuh b. Iskandar	45	L	9	K	3	Berniaga(kemboja)
44	Taib b. Sulaiman	30	L	5	K	3	Berniaga(kemboja)
45	Md Zin b. Ahamd	28	L	5	K	3	Berniaga(kemboja)
46	Siti Fatimah bt. Ismail	60	M	4	L	2	Bersara
47	Ara bt. Muda	65	M	3	L	2	Suri rumah
48	Mustaffa b. Muda	46	M	3	P	2	
49	Endut b. Said	51	M	6	P	2	
50	Zaimin b. Endut	29	M	4	M	3	M.D. Marang
51	Awana b. Salleh	56	M	3	M	4	Petronas
52	Maliki b. Endut	41	M	11	M	4	Tenaga Nasional
53	Hamzah b. Hassan	60+	M	3	P	3	
54	Mostar b. Sulaiman	61	M	5	P	3	
55	Mamat b. Hassan	40	M	5	M	4	Posman
56	Abdullah b. Abu Bakar	34	M	5	K / P	2	Bertukang
57	Kamaruddin b. Mar Aroff	26	M	4	N	2	Pemandu bas pelancong
58	Sulong bt. Ali	80	M	1	L	1	Tok mengaji
59	Jusuh b. Taib	56	M	2	N / P	2	
60	Mohamad b. Embong	43	M	9	K	2	Berniaga ikan

No. 4 (61-80)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
61	Dollah b. Jusuh	60+	M	2	K	2	Berniaga sendiri
62	Esah bt. Abdullah	43	M	2	P	1	Menternak ayam
63	Abd. Manap b. Abu Bakar	36	M	5	K	2	
64	Ibrahim b. Hassan	40+	M	7	N	2	
65	Hamzah b. Mat Amin	46	M	3	K	3	Berniaga
66	Muhammad b. Said	38	M	6	K	2	Berniaga ikan
67	Taib b. Awang	70+	M	3	K	2	
68	Kadir b. Osman	39	M	6	M	4	Guru
69	Mohd Noor b. Said	50+	M	4	K	2	
70	Salleh b. Mamat	50+	M	8	P	2	
71	Wan Tih bt. Wan Amat	80+	M	1	L	1	
72	Ronin	30+	M	6	K	2	
73	Hussin b. Abdullah	80	M	1	K	1	
74	Mohd. b. Dem	50	M	10	K	2	
75	Said b. Abdullah	55	M	3	N	2	
76	Mat Rani b. Abdullah	50	M	4	N	2	
77	Abu Bakar b. Ngah	35	M	6	P	2	
78	Seni bt. Mohd	58	M	4	K	2	Berniaga
79	Hitam bt. Ismail	58	M	4	L	1	Suri rumah
80	Musa b. Ismail	45	M	7	N	2	

No. 5 (81-100)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
81	Teh bt. Mat Zin	58	M	5	P	1	
82	Rani b. Salim	35	M	6	N	2	
83	Tijah bt. Taib	80	M	3	K	1	
84	Nik b. Hassan	55	M	5	N	2	
85	Abdul Rashid b. Sulaiman	28	M	4	N	2	
86	Mamat b. Sulong	75	M	1	K	1	
87	Sulong b. Mamat	60	M	4	P	2	
88	Deraman b. Mohd.	42	M	4	L	2	Pemandu lori
89	Datok Md. Adik	60	M	9	L	4	Berniaga
90	Jusoh b Hamzah	35	M	1	K	2	
91	Wan Mohd. Jusuh	54	M	2	K	2	
92	Nor Aslam b. Jaapar	28	M	4	K	2	
93	Zainan b. Zaid	23	M	4	N	2	
94	Razali b. Ismail	38	M	5	K	3	Berniaga ikan
95	Ahmad Zaki b. Awang	24	M	1	N	2	
96	Abu Bakar b. Yakub	33	M	4	P	2	Memelihara ayam
97	Ibrahim b. Mamat	44	M	8	M / P	2	
98	Zaid bin Chik	40+	M	6	P	2	
99	Abu Bakar b. Salleh	35	M	5	M	2	
100	Ismail b. Mamat	45	M	12	P / K	2	Bertukang

No. 6 (101-120)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
101	Sabariah bt. Mohd	52	M	1	L	1	Suri rumah, Kahwin dua
102	Rashid b. Embong	36	M	5	N / P	2	
103	A Razah b. Musa	26	M	4	N / P	2	
104	Ahamd b. Abdullah	42	M	7	P	2	
105	Abduilah b. Abd. Hadi	42	M	5	K	2	Bertukang
106	Salleh b. Rasul	60+	M	4	P	2	
107	Awang Asing b. Mat Zin	37	M	5	M / K	3	Tembakau, kedai runcit
108	Chik bt. Hassan	70+	M	1	K	1	Janda
109	Zakaria b. Abdul Ghani	32	M	4	M / P	2	Pemandu bas Ruh Muda
110	Yusuf b. Taib	47	M	6	P	2	
111	Hamid b. Hussin	39	M	8	M / P	2	Pemandu lori, baiki enjin
112	W. Zul Manan b. W. Ngah	33	M	3	P	2	
113	Rani b. Mat Ali	32	M	4	M / P	2	Ayam
114	Wahab b. Ngah	33	M	5	P	2	
115	Mohd. b. Hussin	50+	M	8	P	2	
116	Siti bt. Yaacub	35+	M	6	P	2	Janda
117	Awang b. Mat Robi	23	M	3	L	2	Angkat ikan, Bertukang
118	Mohd. b. Endut	46	M	6	P	2	
119	Cik Din b. Cik Manan	28	M	6	P / K	2	Bertukang
120	Mohd. Robi b. Mat Zin	49	M	4	P / K	2	Bertukang

No. 7 (121-140)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
121	Ismail b. Ali	45+	M	5	M / P	2	Kerja di Pejabat Haiwan Kg. Kijang
122	Md. Non b. Taib	40+	M	6	N	2	
123	Ibrahim b. Yashim	30	M	7	M / K	2	Ayam
124	Abdullah b. Mamat	90+	M	6	K	1	Orang tua
125	Mohd. b. Salleh	40	M	8	K / P	3	Bertukang
126	Abdullah b. Muda	64	M	9	N / P	2	
127	Osman b. Omar	55	M	8	K / P	3	Pencen PLTA(Pusat Latihan Ternakan Ayam)
128	Wan Abdullah b. W. Yusuf	70	M	4	P	2	Mananam getah
129	W. Musah b. Wan Abdullah	39	M	5	M	3	Bekerja di pejabat, Tok imam
130	Abd. Aziz b. Omar	45	M	7	P	2	
131	Ariffin b. Muda	58	M	9	L	4	Ketua Kampung
132	Md. Rozali b. Ismail	39	M	8	M / P	3	Memandu bas express
133	Yaakob b. Abdl Rahman	60+	M	3	P / K	2	
134	Mamat b. Muda	62	M	8	K	2	Pemandu van, pencen JKR
135	Awang Ngah b. Sulung	30+	M	3	K	2	Bermiaga
136	Mat Yusuf b. Bakar	36	M	6	N	2	
137	A. Rahman b. Talib	70	M	2	P	2	
138	Kelsom bt. Mamat	53+	M	7	K	2	Suri rumah, Membuat tikar janda
139	Rozid b. Awang	38	M	4	N	2	
140	Razali b. Awang	32	M	3	N	2	

No. 8 ( 141-157)

No	Nama Ketua isi rumah	Umur	Keturunan	Bilangan anggota	Kerja utama / sambilan	Pendapat	Catatan
141	Mohd Salleh b. Awang	28	M	3	N	2	
142	Mohd. b. Ali	82	M	7	L	2	
143	Ismail b. Jusuh	28	M	4	K	2	Bertukang
144	Abd. Wahab b. Musa	23	M	2	N	2	
145	Salleh b. Yaakob	32	M	6	P	2	
146	Salam b. Mamat	35+	M	1	M	2	Kilang kayu
147	Hindun Ismail	55	M	4	L / K	1	Suri rumah
148	A.Razak b. Daud	33	M	6	N	2	
149	Mohd. Zuki b. Ahmad	24	M	3	N	2	
150	Halimah bt.Yunus	60+	M	6	L	1	Suri rumah
151	Md. Non b. Yaacub	28	M	3	P	2	Tembakau
152	Saudah bt. Md. Amin	50+	M	1	P / K	1	
153	Che Rozi b. Ismail	30	M	6	N / P	2	Tembakau
154	Hussin bin Musa	60+	M	6	K / P	2	
155	Sulaini bin Hussin	27	M	2	N	2	
156	Ramli bin Hussin	30	M	3	N / P	2	
157	Ali b. Abdullah	43	M	5	P	2	

### **Senarai responden-responden utama**

Abdullah bin Abdul Hadi, 42, menanam tembakau, timun dan bertukang, 4 orang anak.

Abdulah bin Abdul Hamid, 42 tahun, Bertukang, 3 orang anak.

Abdullah Bin Mamat, 90 tahun, tok bomoh, 4 orang anak.

Abdullah bin Said, 33 tahun, juru Hutan, 3 orang anak.

Abu Bakar bin Ngah, 35 tahun, petani, 5 orang anak.

Ara binti Muda, 65 tahun, suri Rumah, 4 orang anak sudah kahwin dan 1 orang anak tinggal bersama.

Arifin bin Muda, 57 tahun, petani , ketua kampung, 7 orang anak

Azizah binti Taib, 28 tahun, suri rumah, 4 orang anak.

Cik Din bin Cik Mamat, 28 tahun, bertukang rumah, petani , 4 orang anak.

Cik Gal, 58 tahun, isteri kedua kepada Datok Mohammad Adik (tinggal di Dungun), 7 orang anak.

Endut bin Said, 51 tahun, petani, 4 orang anak.

Fatimah binti Mohamad, 31 tahun, suri rumah, janda, 4 orang anak

Hamid bin Hussin, 39 tahun, permandu lori, 6 orang anak.

Jusuh bin Ali, 53 tahun, nelayan, 5 orang anak

Kalsom Binti Mamat, 53 tahun lebih, Suri rumah, dulu buat tikar, Janda, 8 orang anak.

Kembong binti Ismail, 43 tahun, suri rumah, jual kuih sebagai kerja sambilan, 6 orang anak.

Mohamad bin Ismail, 39 tahun, nelayan, 4 orang anak.

Mohammad Robi bin Mat Zin, 49 tahun, menanam tembakau, 4 orang anak.

Muhammad bin Said, 38 tahun, menanam tembakau dan niaga ikan, 4 orang anak.

Ibrahim bin Hassan, 40 tahun, nelayan , 7 orang anak.

Mohammad bin Salleh, 40 Tahun, bertukang, 6 orang anak

Mohamad Noor bin Abu Bakar, 36 tahun, makan gaji, 6 orang anak.

Mok Teh Di, 38 tahun, isteri kepada Hamid bin Hussin, 6 orang anak.

Musa bin Ismail, 45 tahun, nelayan, 5 orang anak.

Nik Teh, 36 tahun, isteri kepada Ramli bin Abdullah, 5 orang anak.

Samsiah binti Yaacub, 35 tahun, suri rumah, 8 orang anak.

Sulong binti Ali, 80 tahun, Tok mengaji.

Sulong binti Mohamad, 38 tahun, suri rumah, 6 orang anak.

Teh binti Mat Zin, 58 tahun, suri rumah, 6 orang anak.

Wan Musa bin Wan Abdullah , 39, makan gaji (bekerja di Pejabat Daerah) dan Tok Imam , 3 orang anak

Zainab binti Rahmat, 31 tahun, suri rumah. 4 orang anak.

## Nota

<sup>1</sup> Maklumat dari hasil banci yang dilakukan pada tahun 1992-1993.

<sup>2</sup> Banci yang dilakukan pada bulan Mei tahun 1992 untuk mendapat maklumat yang lebih teliti dan terperinci mengenai pekerjaan, pendapatan, keturunan dan untuk memilih keluarga contoh.

<sup>3</sup> Menurut Pegawai Daerah, Tuan Haji Baharuddin, kerajaan negeri Terengganu memberi sumbangan kepada orang miskin agar mereka membina rumah baru atau memperbaiki rumah usang. Pada tahun 1991, 888 buah keluarga miskin dari daerah Marang mendapat wang sebanyak 1500 hingga 3000 ringgit untuk membina atau memperbaiki rumah mereka.